



Warkah

Sultan Muhammad Kanzul Alam

Dr Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong
Penolong Setiausaha kehormat PESEBAR

PENGENALAN



Perbincangan kertaskerja ini tertumpu kepada Warkah Sultan Muhammad Kanzul Alam dalam kaitannya dengan hubungan Brunei-Singapura bermula tahun 1819 berdasarkan Koleksi Manuskrip Melayu di Perpustakaan Kongres, Washington, D.C. Amerika Syarikat. Koleksi Manuskrip Melayu ditulis dalam Bahasa Melayu tulisan jawi termasuk 3 daripadanya dari Brunei iaitu persuratan Sultan Muhammad Kanzul Alam dengan William Faraquhar dan anakanda Baginda Pengiran Muda Muhammad Alam dengan Tambi Muhammad ibni Arsad di Melaka disekitar tahun 1817-1823. Manakala persuratan yang lain merupakan warkah dari pemimpin-pemimpin Melayu dari Johor, Terangganu, Pahang, Pulau Pinang, Kemboja, Kelantan, Naning, Palembang, Riau, Siak, Sambas, Jambi, Pontianak, Aceh dan lain-lain lagi.

TUJUAN



1. Selaras dengan tema Seminar Majlis Ilmu iaitu “Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat”. Kertaskerja ini cuba memperlihatkan legasi ketamadunan Kesultanan Melayu Islam khususnya Brunei dan umumnya di Alam Melayu dengan berdasarkan kewujudan Koleksi Mansukrip Melayu terutamanya yang berkaitan dengan Kesultanan Brunei dan Dunia Melayu.
2. Sebagai pengkongsian ilmu untuk dimanfaatkan dunia dan akhirat sebagai warisan ilmu Islam dan satu medium penyimpanan maklumat ke arah pembangunan umat. Diharapkan agar wujud rasa apresiasi dan penghargaan kepada manuskrip Islam untuk dijadikan rujukan panduan, iktibar dan pengajaran kepada generasi berikutnya.

TUJUAN



3. Sebagai bukti keunggulan tulisan jawi dan bahasa Melayu yang pernah menjadi lingua-franca ataupun bahasa perhubungan di Alam Melayu dalam bidang politik, perdagangan dan budaya serta ugama terutamanya antara pemimpin-pemimpin Melayu dengan kuasa-kuasa luar khususnya dunia kuasa barat dan terkecuali Brunei.

4. Secara tidak langsung akan dapat mengukuhkan lagi semangat jatidiri dan nasionalisme kepada bangsa, ugama dan negara dengan mengambil aktibar dan pengajaran daripada nilai-nilai Kemelayuan, Keislaman dan amalan sistem beraaja beraja bagi pembinaan ketamadunan Melayu Islam yang lebih sempurna serta diredhai oleh Allah SWT.

LATARBELAKANG



Dari prespektif sejarah faktor yang menyebabkan kewujudan persuratan antara pemimpin-pemimpin Melayu Nusantara termasuk Brunei dengan William Farquhar ialah disebabkan oleh faktor perdagangan dengan pembukaan Singapura sebagai pelabuhan bebas pada tahun 1819. William Farquhar adalah Gebnor Singapura yang membuat keputusan dengan Raja-raja Melayu untuk mendapat sokongan bagi memajukan Singapura sebagai pusat perdagangan untuk menyaingi Kuasa Belanda di Kepulauan Indonesia setelah dunia Melayu terbahagi dua akibat perjanjian Inggeris-Belanda 1824.

William Farquhar sebagai Gebnor kedua yang menggantikan Stamford Raffles telah mengutuskan surat-surat persahabatan kepada hampir kesemua pemimpin-pemimpin Melayu Nusantara termasuk Sultan Brunei untuk meminta supaya menghantar golongan pedagang ke Singapura. Hal ini jelas dapat dibuktikan berdasarkan penemuan warkah-warkah pemimpin Melayu Nusantara yang tersimpan di Perpustakaan Kongres, Amerika Syarikat.

KEAGUNGAN TAMADUN MELAYU



Hubungan persuratan ini adalah lambang keagungan kewujudan ketamaddunan Melayu Islam melalui sistem pemerintahan beraja, pengamalan ugama Islam dan penggunaan bahasa Melayu serta tulisan jawi. Dengan lain perkataan Bahasa Melayu dan tulisan jawi telah menjadi lingua-franca dalam semua bidang perhubungan dalam lingkungan kawasan Alam Melayu sebelum kedatangan kuasa-kuasa Baraat sehingga ke abad ke 19 Mesehi.

Dengan adanya usaha dan perhubungan baik antara William Farquhar dengan pemimpin-pemimpin di Alam Melayu, pelabuhan Singapura telah berkembang maju sebagai pusat perdagangan. Beliau telah menamakan pelabuhan baru ini sebagai 'New Harbour' yang dikenali sekarang ini sebagai Keppel Harbour. Kejayaan ini telah menyebabkan setengah pihak berpendapat beliau yang sebenarnya pengasas Kerajaan Singapura Moden dan bukan Stamford Raffles

NILAI SEJARAH YANG BERHARGA



Dan jika diselidiki secara terperinci isi warkah-warkah pemimpin Melayu dan juga Sultan Muhammad Kanzul Alam intipati utama dalam persuratan berkenaan adalah berkisar mengenai hubungan perdagangan dan juga persahabatan antara Singapura dengan negeri-negeri di Alam Melayu khususnya bagi Brunei-Singapura. Oleh itu penemuan warkah Sultan Muhammad Kanzul Alam mempunyai kepentingan sejarah dan juga nilai ilmiah yang sangat berharga dan satu-satu di antara manuskrip asal yang berusia paling tua bagi Brunei. Persuratan ini adalah titik permulaan penyambungan hubungan diplomasi antara Brunei dan Singapura selepas terputusnya sejak penghijrahan Sultan terakhir Kerajaan Singapura Tua ke Melaka pada awal kurun ke 15 Mesehi. Ini juga bukti lambang zaman kegemilangan dan keemasan ketamadunan Islam di Alam Melayu termasuk Brunei.

WARKAH SULTAN MUHAMMAD KANZUL ALAM



Sebagai lambang kesatuan kesultanan Alam Melayu yang berteraskan Islam. Warkah Sultan Muhammad Kanzul Alam yang bertarikh 1236 hijrah juga mempunyai persamaan seperti dari segi kepala surat dan cop mohor. Kepala surat, warkah baginda telah ditulis dengan tulisan jawi yang berbunyi Was-sam-u atau Was-sam-si, Wal-qammari, Wan-naj-ni yang mana mungkin dapat kita andaikan atau tafsirkan yang membawa maksud bahawa baginda Sultan bersaksi atau berjanji demi matahari, dan demi bulan, dan demibintang. Dan kebanyakan warkah kesultanan Melayu mempunyai persamaan dari segi bentuk dan ayat yang digunakan dalam persuratan dengan William Farquhar.

KEAGUNGAN BRUNEI



Dari segi isi kandungan warkah Sultan Brunei, penggunaan perkataan dan ayat Al-Quraan sebagai kepala surat ini kemungkinan mempunyai kaitan rapat dengan apa yang terkandung dalam warkah yang kirimkan. Dengan lain perkataan, isi warkah baginda adalah gambaran hasrat dan ketulusan hati untuk menyambung silaturrahim yang mungkin telah mengalami kekeruhan yang perlu diperbaiki atau dipereratkan. Ini dapat dilihat berdasarkan permulaan kata dalam warkah baginda yang menggambarkan akan pengakuan pengirimnya. Bagaimanapun warkah baginda yang kedua yang bertarikh pada 1237 hijrah tidak mempunyai kepala surat dan juga cop mohor yang mana pada lazimnya kebanyakan persuratan melayu yang lain yang senantiasa mempunyai cop mohor pengirim yang melambangkan ketulinan dan kebenaran warkah tersebut datang dari pengirimnya. Ini kemungkinan kerana baginda Sultan telah mengirimkan warkah kepada William Farquhar sebelumnya dalam masa yang terdekat iaitu tahun yang sama.

**KEPALA SURAT SULTAN MUHAMMAD KANZUL
ALAM YANG PERTAMA MEMPUNYAI MAKSUD
TERSIRAT DARIPADA TERSURAT BERTARIKH
1236 HIJRAH**



From Borneo, 1820.

**KEPALA SURAT DAN COP MOHOR SURAT
PENGIRAN MUDA MUHAMMAD ALAM IBNI SULTAN
MUHAMMAD KANZUL ALAM KEPADA TAMBI
(ABANG) MUHAMMAD IBNI ARSAD, MELAKA YANG
BERTARIKH PADA TAHUN HIJRAH 1237**



WARKAH SULTAN JOHOR




KEPALA SURAT SULTAN TERANGGANU YANG
BERMAKSUD WAL-SHAM-SU, WAL-QA-MARI, WAL-
NUJUMI YANG BERMAKNA DEMI MATAHARI, BULAN
DAN BINTANG YANG BERTARIKH SEKITAR TAHUN 1820
MESEHI




A faint, stylized Arabic calligraphic stamp or signature is visible on a light-colored, textured background. The calligraphy is in a cursive style, with the words 'السُّلْطَانُ' (The Sultan) and 'الْمَرْحُومُ' (The Late) being discernible, though the ink is light and the background is aged.

MAJLIS ILMU 2019

MANUSKRIP ISLAM
MERCU TANDA
KETAMADUNAN UMAT



WARKAH SULTAN RIAU 1818



KEPALA SURAT DARI RAJA SIAK YANG BERTARIKH PADA TAHUN 1818

الملك
الشيخ
الشيخ

اوصى الله وهداية للمدود ملكي فسرنا في الدنيا نولسنا اخلاصا كواجب فونهات الا في هنيئ
جاني نغادير هفكادان بر ملكي راكه ادفرايد راين جقه و الامه و انا دان و لزمه فمكة جوه اذنه غلظت را

WARKAH SULTAN TERANGGANU YANG BERTARIKH PADA TAHUN 1820 MESEHI



السُّلْطَانُ الْفَرْحَانُ الْيَمِينُ

بصورتين بصورتين قولنا ان اخلاصه سوره هاتق ههتج نه يفتاد منام چر والى بايت ويرفد فادر سري سلطان احمد


MAJLIS ILMU 2019

MANUSKRIP ISLAM
MERCU TANDA
KETAMADUNAN UMAT

قول الحق

بگو این سوره توالی آن اخلاص و تسبیح هات یغنیاد بر گفتنی و از عجب یغنیاد بر هر دهن
یایه در قدراج بندهار ایخ ادا برستی کند مکن این و دلم نلری فلهج بار خد متغیان تو هن مست عالم

WARKAH DARI PULAU PINANG TAHUN 1818



WARKAH DARI RAJA PALEMBANG, SUMETRA PADA TAHUN 1818



SULTAN SIAK, SUMATERA 1818



From Siak, Sumatra, 1818.

14

الملك
السيدي
الملك

WARKAH SULTAN TERANGGANU 1819



•ASD

*From Tranggani, on the east coast of the Malay Peninsula.
1819.*

*(In Tranggani beautiful copies of the
Koran are written for sale in other
countries.)*



WARKAH COCHIN CHINA, COMBODIA 1818



WARKAH DARI KETUA NANING, MELAKA TAHUN 1818 MESEHI

قل هذا



يهو ايت سوكه تولس دان اخلصو جيوة قوته هاتن درقد التوء فقهولو
نانغ سره لكا امغه سوكوت بارغ كمغيان الله سبحانه والعالى دانغ كهده فى تون
راج منجس فاكر ريغ ادمم رنته داد الم تاري بهر دان بارغد فليها كن الله ايمهات
فالدين والدني والاخرة امين يارب العالمين اما بعد لمدين قل ايت التوء
فقهولو نانغ سغه لدرنيد وكاسه سمع كغد توف راج منجس فاكر كيدين التوء
فقهولو نانغ سغه لدرنيد وكاسه سمع كغد توف راج منجس فاكر كيدين التوء

WARKAH SULTAN SIAK



النمسي
والقمر

WARKAH DARI KEMBOJA 1819

YA-KA-
DIAL-
HA-JAT



الحمد لله

و سر اقتاد الخجسته ابراهيم الهندي اقوت اجات مع سقا اعنارة ان و قد الم
عكو اينده الاخلاص ارجاس جرح و سره يقتاد شكل وهمير ايت

تون سيد عبد الحميد بخ كلارن نوقوفا الخوق مع مرنه دالم نلرني دقدي دكر نيبي راج كوحي دان راج كيج بارعد فميكس الذم

توهن واحد القمار اقله كيران كقد صحابه كيت تون جيجو و يلم فر كور بخ مرنه اشروك سقا قور دغن كيسان دان طليان بخ اعة

بغلا لال دغن بحسان لان موثر هين قوتيه قد ملكو كن جان مملو كن سكل هب الذم بر كاسه كسان كل و افي بخد ملين ايت ججادي

ترشهور دما ايجان كقد كل كيري بخ اسع ٢ مجموع سكل صحابه فراين قريب والبعيد امين ثم ايت و بعد و قد

ايت معلوم كيران كقد صحابه كيت فر حال كيت ملا بعلن سلق فر طس و قد قوتيه هان سره اخلاص كقد صحابه كيت

الكن جادي كنن فر تمون مخاطب دغن صحابه كيت شرم و قد ايت لان معلوم كن كقد صحابه كيت كن و قيه صحابه

كيت دغن بعلين بقل با و اوله بخود ججاء ابتغوز نل سلامه سفي كقد كيت في ساعة الحسنات دسموت باكمال الحرمان كل

دبو كاي و قد لقانتر كل تر سملر كلام بخ ملع سر نظام بخ فصيح كل تر لالو له ساعة سحلت دالم هان كيت سب صحابه كيت

موفق تر كاسه كسان دان بر قوع نلوعن دغن قادر و افتد سري سلطان حسين محمد شاه دان و قد مقلع عبد الرحمن دان لان

قول صحابه كيت مفلين اغر يس هند و بر صحابه دغن كيت مكرن بر حيم قول سوك هان كيت ملينكن الذم دان رسول بخ مقلع

قول صحابه كيت مفلين اغر يس هند و بر صحابه دغن كيت مكرن بر حيم قول سوك هان كيت ملينكن الذم دان رسول بخ مقلع





ISI KANDUNGAN SURAT SULTAN KANZUL ALAM KEDUA BERTARIKH 1237 HIJRAH




Bahawa inilah warkatul ikhlas wahtafatul ajnas yang terbit daripada hati yang putih lagi hening jernih aladdawam suatu mahabah yang tiada berkeputusan dan berantara selagi ada peredaran malam dan siang tiada nama lupa dan lagi beta daripada Seri Paduka As-Sultan Muhammad Kanzul Alam Ibni As-Sultan Omar Ali Saifuddin Al-Marhum yang mempunyai perintah tadbir didalam alam negeri Brunei serta sekalian daerah taloknya Darul khusus Walmahrus barang disampaikan Tuhan seru alam sekeliannya apakah kiranya kahadapan majlis sahabat kita tuan Kornil William farqhar yang ada memerintahkan atas loji negeri Singapura Darul Aman maka mashyurlah warta ehsannya yang kepujian dan perangai yang lemah lembut kepada segala daerah buldan yang asing-asing serta meneguhkan setia dan maufakatnya kepada segala handai taulannya pada hal melakukan kasih berkasihan dan tolong bertolongan daripada qasad dan mengqasad segala kerabatnya baina karib walba'eid istemewanya segala dagang santri maka jangan kiranya sahabat kita jalan mahabah dan bersahabat pada memutuskan surat bersuratan selagi ada cakrawala bulan dan matahari hingga ela yaumiddin antara kita dengan sahabat kita maka dipohonkan kehadiran Tuhan 'azza wajalla barang dilanjutkan jua kiranya usia umur zamannya serta bertambah-tambah kesenangan dan kebajikan didalam sihat dan 'afiat selama-lamanya amin thuma amin. Waba'dahu daripada itu barang mafhum kiranya sahabat kita perihal kita melayangkan shafatul ikhlas ini mantasalmikan dari hal warkatul mahabah daripada

WARKAH SULTAN MUHAMMAD KANZUL ALAM KEDUA 1237 HIJRAH

sahabat kita yang diehtimalkan kepada Nahuda Nashruddin dan dan utus serta hadiah-hadiah daripada sahabat kita kaca air mawar sepasang telah sampailah pada kita dengan selamat sempurnanya maka disambut dengan beberapa kesukaan dan keredhaan serta maklumlah kita barang yang termadzakur didalamnya telah menerima kasih banyak-banyak daripada mendengar sahabat-sahabat kita didalan sihat dan afiat maka sentiasa kita minta doa barang dikekelkan jua kiranya didalam kesenangan selamalamanya. Shadan bahawa adalah kita menyuruhkan Pengiran Tajuddin dan nahuda Hasanuddin dan nahuda Jalaluddin dengan sebuah perahu yang kecil mendapatkan sahabat kita serta membawa dagangan sedikit-sedikit maka jikalau ada dengan keridhaan dan kesukaan sahabat kita dengan seboleh-bolehnya kita minta tolong ikhtiarkan ke Melaka atau ke Pulau Pinang didalam itu pun mana-mana ikhtiar kebajikan atas sahabat kita kemudian lagi seperti hal sahabat kita minta buat dacing Brunei dan gantang dan cupak telah adalah sudah tiada dengan sepertinya kerana pada masa ini sangat banyak uzur negeri Brunei kedatangan bala penyakit terlalu sangat beberapa orang mati didalam berjalan dan dalam duduk adalah sekira-kiranya mati didalam sehari semalam seratus atau lebeh demekianlah adanya suatu pun tiada alamatul mahabah daripada kita kepada khabar syarat ini hanyalah selamat luput daripada mara bahaya serta tamang pakaian Brunei tiada dengan sepertinya minta terima ikhlas adanya.

Termaktub warkah ini kepada enam haribulan syaban yaumil ahad waktu dzuhur jam pukul enam hijratun nabuuwah salallahu 'alaihi wasallam sanat 1237

Warkah
Sultan
Muhammad
Kanzul Alam
(yang
pertama)
kepada
William
Farquhar
Gebenor
Singapura
pada tahun
hijrah 1236



KESIMPULAN

Dari segi sejarah, manuskrip ini Sultan dan anaknda adalah paling bernilai dan berharga sebagai pembuktian kewujudan legasi kesultanan Brunei yang menggambarkan akan dasar dan polisi pihak British menghormati kedudukan dan kedaulatan pemerintahan Sultan Muhammad Kanzul Alam.

Kedua tulisan jawi dan juga Bahasa Melayu adalah merupakan bahawa Bahasa lingua franca yang menjadi alat perhubungan antara timur dan barat yang memainkan peranan penting dalam bidang politik, ekonomi dan budaya.

Ketiga, manuskrip yang berusia 200 tahun ini adalah lambang kesuhuran Kesultanan Brunei yang perlu dimiliki dan disimpan untuk bahan rujukan dan kajian yang lebih mendalam mengenai ketamadunan Islam.